

PROGRAM PENSIJILAN PEMIDATO **Kelab Pidato Perdana Antarabangsa (KEPENTAS)**

Matlamat

Program pensijilan ini mempunyai 3 matlamat:

1. Mewujudkan sebuah sistem penarafan yang tuntas dan sejagat (*universal*) untuk para pemandato
2. Mengiktiraf pemandato yang layak
3. Membuka peluang kepada industri latihan untuk menyediakan program-program bagi membantu peserta mendapatkan pengiktirafan

Ruang Lingkup

Program pensijilan ini terbahagi kepada 6 kategori iaitu:

1. Pemandato Bahasa Melayu Kategori Dewasa (8 tahap)
2. Pemandato Bahasa Melayu Kategori Remaja (3 tahap)
3. Pemandato Bahasa Inggeris Kategori Dewasa (6 tahap)
4. Pemandato Bahasa Inggeris Kategori Remaja (3 tahap)

Pelaksana & Pengendali

Pensijilan untuk pemandato bahasa Melayu akan dilaksanakan secara langsung oleh KEPENTAS. Pensijilan untuk pemandato bahasa Inggeris akan dilaksanakan oleh **Epic Speakers Academy Sdn. Bhd.** dengan akreditasi daripada KEPENTAS.

Dasar Penilaian

Penilaian untuk pensijilan adalah berdasarkan **Rumus 8 x 3 untuk Pengucapan Awam™** (rujuk buku **Anda Bisa Berbicara**). Pensijilan untuk Pemandato Bahasa Melayu Kategori Dewasa juga mengambil kira pencapaian dalam **Siri 28 Ucapan™** (rujuk buku **Pemandato Versatil**).

Pensijilan Pemandato Bahasa Melayu Kategori Dewasa (umur 18 tahun ke atas)

Tahap-tahap Pensijilan

Pemandato Gred 1

Menguasai 8 kaedah tahap 1 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Pemandato Gred 2

Menguasai 8 kaedah tahap 1 DAN 6 kaedah tahap 2 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Pemandato Gred 3

Menguasai 8 kaedah tahap 1 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan spontan

Pemandato Gred 4

Menguasai 8 kaedah tahap 1 DAN 4 kaedah tahap 2 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan spontan

Pemandato Gred 5 (tiada ujian)

Mencapai tahap Pemandato Gred 4 DAN mengumpul 14 mata daripada Siri 28 Ucapan*

Pemandato Gred 6

Menguasai 8 kaedah tahap 1, 6 kaedah tahap 2 DAN 4 kaedah tahap 3 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Pemandato Gred 7

Menguasai 8 kaedah tahap 1, 6 kaedah tahap 2 DAN 4 kaedah tahap 3 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan separa spontan

Pemidato Gred 8 (tiada ujian)

Mencapai tahap Pemidato Gred 7 DAN mengumpul 28 mata daripada Siri 28 Ucapan*. TAMBAHAN KEPADA ITU, calon perlu menyampaikan ceramah di depan khalayak melebihi 100 orang sebanyak 2 kali (dilakukan setelah mencapai Gred 7).

* Mengumpul mata daripada Siri 28 Ucapan – calon perlu menyampaikan ucapan daripada Siri 28 Ucapan dalam pertemuan KEPENTAS dan disahkan lulus – setiap ucapan diberi 1 mata (jenis ucapan yang tidak sama)

Catatan:

- Di Indonesia, Pemidato Gred 1-8 digelar Pembicara Tingkat 1-8
- Tahap-tahap di atas TIDAK boleh dilangkau

Ucapan untuk Pensijilan

Ucapan tersedia

Ucapan tersedia ditakrif di sini sebagai sebuah ucapan yang **mengandungi saranan untuk pendengar**. Tajuk ucapan adalah bebas. Calon boleh membuat persediaan awal sebelum menyampaikan ucapan ini.

Penjagaan masa:

Untuk Gred 1 & 2, masa yang diperuntukkan adalah 5-8 minit

- Loceng dibunyikan sekali pada 5 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 7 minit menandakan ada 1 minit lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 8 minit menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Untuk Gred 6, masa yang diperuntukkan adalah 7-12 minit

- Loceng dibunyikan sekali pada 7 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 10 minit menandakan ada 2 minit lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 12 minit menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Ucapan spontan

Untuk ucapan spontan, 3 tajuk akan dilontarkan berkisar pada:

1. Hal ehwal peribadi
2. Isu semasa
3. Peribahasa (maksud peribahasa akan dinyatakan)

Calon perlu menyampaikan ucapan pada ketika itu juga (tidak ada waktu persediaan). Isi kandungan ucapan harus menepati tajuk secara kasarnya.

Penjagaan masa:

Masa yang diperuntukkan adalah 2 minit hingga 3 minit 30 saat untuk setiap ucapan

- Loceng dibunyikan sekali pada 2 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 3 minit menandakan ada 30 saat lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 3 minit 30 saat menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Ucapan separa spontan

Ucapan separa spontan adalah sama seperti ucapan tersedia kecuali 5 tajuk akan dimaklumkan awal dan hanya satu tajuk dipilih sejeurus sebelum pemandato berucap (5 minit).

Ucapan ini harus mengandungi saranan untuk pendengar. Masa yang diperuntukkan adalah 7-12 minit (kaedah penjagaan masa adalah sama seperti untuk Gred 6).

Ujian Pensijilan

Untuk ahli KEPENTAS (tidak termasuk ahli cawangan maya)

Ahli KEPENTAS boleh mengambil Ujian Pensijilan melalui 3 cara:

1. Menghadiri Ujian Pensijilan secara bersemuka

Ujian Pensijilan akan diadakan dari semasa ke semasa di setiap cawangan KEPENTAS (sasaran 6 bulan sekali) sebagai sebahagian daripada Program Asas di KEPENTAS (kelas berkala). Sebuah Jawatankuasa Pensijilan (3 orang) akan dilantik untuk menghadiri sesi ini dan melakukan penilaian terhadap ucapan-ucapan yang disampaikan.

2. Menghadiri Ujian Pensijilan dalam talian (Zoom)

Ujian Pensijilan dalam talian akan diadakan dari semasa ke semasa (sasaran sebulan sekali) dan dibuka kepada semua ahli. Sebuah Jawatankuasa Pensijilan (3 orang) akan dilantik untuk menghadiri sesi ini dan melakukan penilaian terhadap ucapan-ucapan yang disampaikan.

Sesi khas juga boleh diatur untuk sesebuah cawangan di mana ahli-ahli berucap dalam kelas dan dinilai oleh Jawatankuasa dalam talian.

Ketika berucap melalui aplikasi Zoom, calon dikehendaki untuk berdiri (kelihatan dari pinggang ke atas).

3. Merakam ucapan sendiri

Perakaman ucapan boleh dilakukan di pertemuan KEPENTAS (diatur oleh calon sendiri) dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Perakaman ucapan juga boleh dilakukan di tempat lain dengan syarat adanya 5 atau lebih pendengar dewasa.

Video ucapan perlu dimuat naik ke YouTube dan permohonan sijil boleh dikemukakan melalui borang dalam talian yang disediakan. Ucapan ini akan dinilai kemudian oleh Jawatankuasa Pensijilan yang dilantik.

Sesi khas juga boleh diatur untuk sesebuah cawangan di mana ahli-ahli berucap dalam kelas dan ucapan mereka dirakam.

Cara ini hanya boleh digunakan oleh calon Pemidato Gred 1, 2 dan 6 (melibatkan ucapan tersedia sahaja).

Had percubaan dan kelulusan:

1. Tidak boleh menduduki ujian untuk 2 tahap berturut-turut dalam satu sesi Ujian Pensijilan
2. Maksimum 2 kali percubaan melalui rakaman ucapan dalam suatu tempoh keahlian (yang diatur sendiri)
3. Tidak dibenarkan untuk mengambil ujian lagi dalam tempoh keahlian yang sama setelah lulus 2 tahap

Untuk bukan ahli (dan ahli cawangan maya)

Bukan ahli boleh mendaftar khusus untuk mengambil Ujian Pensijilan. (Calon boleh memilih pakej latihan dan ujian atau ujian sahaja.) Untuk

setiap pendaftaran (untuk tahap tertentu), calon dibenarkan 2 kali percubaan melalui mana-mana daripada 3 cara berikut:

1. Menghadiri Ujian Pensijilan secara bersemuka – dengan memaklumkan kehadiran di pertemuan KEPENTAS yang berkenaan
2. Menghadiri Ujian Pensijilan dalam talian – CARA UTAMA UNTUK CALON INDIVIDU
3. Merakam ucapan sendiri – untuk ucapan tersedia sahaja

Bukan ahli juga boleh mendaftar dengan pihak ketiga untuk mengambil Ujian Pensijilan. Mana-mana pihak boleh berurusan dengan KEPENTAS bagi menyediakan Ujian Pensijilan untuk peserta mereka (biasanya bersama program latihan). Ujian ini boleh diadakan secara bersemuka, dalam talian atau melalui rakaman ucapan.

Tahap tertinggi yang boleh dicapai oleh bukan ahli ialah Gred 4 kerana Gred 5 mewajibkan calon untuk mengumpul mata daripada Siri 28 Ucapan dalam pertemuan KEPENTAS.

Jawatankuasa Pensijilan

Bagi setiap sesi Ujian Pensijilan atau kumpulan (*batch*) calon, sebuah Jawatankuasa Pensijilan akan dibentuk. Jawatankuasa ini terdiri daripada 3 Ahli Jawatankuasa termasuk Ketua Jawatankuasa.

Syarat-syarat untuk dilantik sebagai AJK Pensijilan:

1. Jurulatih KEPENTAS

2. Mencapai Pemidato Gred 2 untuk mengadili calon Pemidato Gred 1-4 ATAU mencapai Pemidato Gred 6 untuk mengadili calon Pemidato Gred 6-7

Kaedah Penilaian

Borang penilaian akan digunakan. Setiap kaedah pengucapan awam yang berkenaan akan ditanda “lulus” atau “gagal” sahaja. Markah lulus (setiap kaedah) ialah 80%.

Jawatankuasa Pensijilan akan mendengar ucapan yang disampaikan dan membuat penilaian secara perseorangan. Seterusnya, Jawatankuasa akan berunding sebelum mengumumkan keputusan. Untuk suatu kaedah ditanda “lulus” dalam penilaian bergabung, sekurang-kurangnya 2 daripada 3 AJK harus menandakan “lulus”.

Tugas (tambahan) Ketua Jawatankuasa adalah untuk mengetuai proses perundingan dan memperoleh keputusan akhir.

Sijil Kelulusan

Calon yang lulus Ujian Pensijilan akan menerima sijil yang tertera logo KEPENTAS.

Calon yang lulus melalui cara no. 1 akan menerima sijil *hard copy*. Calon yang lulus melalui cara no. 2 atau 3 akan menerima sijil *soft copy*.

Nama calon yang lulus Ujian Pensijilan akan disenaraikan di laman sesawang KEPENTAS.

Pensijilan Pemidato Bahasa Melayu Kategori Remaja (umur 12-17 tahun)

Tahap-tahap Pensijilan

Pemidato Muda Gred 1

Menguasai 8 kaedah tahap 1 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Pemidato Muda Gred 2

Menguasai 8 kaedah tahap 1 DAN 6 kaedah tahap 2 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Pemidato Muda Gred 3

Menguasai 8 kaedah tahap 1, 6 kaedah tahap 2 DAN 4 kaedah tahap 3 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Catatan:

- Di Indonesia, Pemidato Muda Gred 1-3 digelar Pembicara Muda Tingkat 1-3
- Tahap-tahap di atas TIDAK boleh dilangkaui

Ucapan untuk Pensijilan

Ucapan tersedia

Ucapan tersedia ditakrif di sini sebagai sebuah ucapan yang **mengandungi saranan untuk pendengar**. Tajuk ucapan adalah bebas. Calon boleh membuat persediaan awal sebelum menyampaikan ucapan ini.

Penjagaan masa:

Untuk Gred 1 & 2, masa yang diperuntukkan adalah 5-8 minit

- Loceng dibunyikan sekali pada 5 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 7 minit menandakan ada 1 minit lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 8 minit menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Untuk Gred 3, masa yang diperuntukkan adalah 7-12 minit

- Loceng dibunyikan sekali pada 7 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 10 minit menandakan ada 2 minit lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 12 minit menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Tidak melibatkan ucapan spontan

Ujian Pensijilan

Calon boleh mengambil Ujian Pensijilan melalui 4 cara:

1. Menghadiri program latihan secara bersemuka

Dalam program-program ini, peserta akan diberi latihan serta bantuan dengan perakaman ucapan dan permohonan sijil. Ucapan-ucapan ini akan dinilai kemudian oleh Jawatankuasa Pensijilan yang dilantik.

Jika Jawatankuasa Pensijilan turut hadir, maka penilaian boleh dilakukan secara langsung tanpa rakaman.

2. Menghadiri Ujian Pensijilan dalam talian (Zoom)

Calon boleh mendaftar untuk mengambil Ujian Pensijilan dalam talian. (Calon boleh memilih pakej latihan dan ujian atau ujian sahaja.) Ketika ujian dijalankan, Jawatankuasa Pensijilan (3 orang) yang dilantik akan hadir dan melakukan penilaian terhadap ucapan-ucapan yang disampaikan.

Ketika berucap melalui aplikasi Zoom, calon dikehendaki untuk berdiri (kelihatan dari pinggang ke atas).

3. Merakam ucapan sendiri

Calon yang mendaftar untuk mengambil ujian dalam talian juga dibenarkan untuk merakam ucapan sendiri dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan (termasuk adanya 5 atau lebih pendengar).

Video ucapan perlu dimuat naik ke YouTube dan permohonan sijil boleh dikemukakan melalui borang dalam talian yang disediakan. Ucapan ini akan dinilai kemudian oleh Jawatankuasa Pensijilan yang dilantik.

4. Mendaftar dengan pihak ketiga

Mana-mana pihak boleh berurusan dengan KEPENTAS bagi menyediakan Ujian Pensijilan untuk peserta mereka (biasanya bersama program latihan). Ujian ini boleh diadakan secara bersemuka, dalam talian atau melalui rakaman ucapan.

Jawatankuasa Pensijilan

Bagi setiap kumpulan (*batch*) calon, sebuah Jawatankuasa Pensijilan akan dibentuk. Jawatankuasa ini terdiri daripada 3 Ahli Jawatankuasa termasuk Ketua Jawatankuasa.

Syarat-syarat untuk dilantik sebagai AJK Pensijilan:

1. Jurulatih KEPENTAS
2. Mencapai Pemandato Gred 2 untuk mengadili calon Pemandato Muda Gred 1-2 ATAU mencapai Pemandato Gred 6 untuk mengadili calon Pemandato Muda Gred 3

Kaedah Penilaian

Borang penilaian akan digunakan. Setiap kaedah pengucapan awam yang berkenaan akan ditanda “lulus” atau “gagal” sahaja. Markah lulus (setiap kaedah) ialah 70%.

Jawatankuasa Pensijilan akan mendengar ucapan yang disampaikan dan membuat penilaian secara perseorangan. Seterusnya, Jawatankuasa akan berunding sebelum mengumumkan keputusan. Untuk suatu kaedah ditanda “lulus” dalam penilaian bergabung, sekurang-kurangnya 2 daripada 3 AJK harus menandakan “lulus”.

Tugas (tambahan) Ketua Jawatankuasa adalah untuk mengetuai proses perundingan dan memperoleh keputusan akhir.

Sijil Kelulusan

Calon yang lulus Ujian Pensijilan akan menerima sijil yang tertera logo KEPENTAS.

Semua calon akan menerima sijil *soft copy* kecuali calon yang lulus melalui cara no. 1 dengan kehadiran Jawatankuasa Pensijilan.

Nama calon yang lulus Ujian Pensijilan akan disenaraikan di laman sesawang KEPENTAS.

Peralihan ke Kategori Dewasa

Pemidato Muda Gred 1 – tiada pengecualian – perlu bermula daripada Pemidato Gred 1

Pemidato Muda Gred 2 – boleh melangkaui Pemidato Gred 1 dan terus mengambil ujian untuk Pemidato Gred 2

Pemidato Muda Gred 3 – boleh melangkaui Pemidato Gred 1 dan 2 dan terus mengambil ujian untuk Pemidato Gred 3

Pensijilan Pemandato Bahasa Inggeris Kategori Dewasa (umur 18 tahun ke atas)

Tahap-tahap Pensijilan

Certified Speaker Level 1

Menguasai 8 kaedah tahap 1 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Certified Speaker Level 2

Menguasai 8 kaedah tahap 1 DAN 6 kaedah tahap 2 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Certified Speaker Level 3

Menguasai 8 kaedah tahap 1 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan spontan

Certified Speaker Level 4

Menguasai 8 kaedah tahap 1 DAN 4 kaedah tahap 2 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan spontan

Certified Speaker Level 5

Menguasai 8 kaedah tahap 1, 6 kaedah tahap 2 DAN 4 kaedah tahap 3 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Certified Speaker Level 6

Menguasai 8 kaedah tahap 1, 6 kaedah tahap 2 DAN 4 kaedah tahap 3 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan separa spontan

Catatan:

- **Rumus 8 x 3 untuk Pengucapan Awam™** digelar **Triple 8 Formula for Public Speaking™** dalam bahasa Inggeris (rujuk buku **The Science of Public Speaking**)

- Tahap-tahap di atas TIDAK boleh dilangkau

Ucapan untuk Pensijilan

Ucapan tersedia

Ucapan tersedia ditakrif di sini sebagai sebuah ucapan yang **mengandungi saranan untuk pendengar**. Tajuk ucapan adalah bebas. Calon boleh membuat persediaan awal sebelum menyampaikan ucapan ini.

Penjagaan masa:

Untuk Level 1 & 2, masa yang diperuntukkan adalah 5-8 minit

- Loceng dibunyikan sekali pada 5 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 7 minit menandakan ada 1 minit lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 8 minit menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Untuk Level 5, masa yang diperuntukkan adalah 7-12 minit

- Loceng dibunyikan sekali pada 7 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 10 minit menandakan ada 2 minit lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 12 minit menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Ucapan spontan

Untuk ucapan spontan, 3 tajuk akan dilontarkan berkisar pada:

1. Hal ehwal peribadi
2. Isu semasa
3. Peribahasa (maksud peribahasa akan dinyatakan)

Calon perlu menyampaikan ucapan pada ketika itu juga (tidak ada waktu persediaan). Isi kandungan ucapan harus menepati tajuk secara kasarnya.

Penjagaan masa:

Masa yang diperuntukkan adalah 2 minit hingga 3 minit 30 saat untuk setiap ucapan

- Loceng dibunyikan sekali pada 2 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 3 minit menandakan ada 30 saat lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 3 minit 30 saat menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Ucapan separa spontan

Ucapan separa spontan adalah sama seperti ucapan tersedia kecuali 5 tajuk akan dimaklumkan awal dan hanya satu tajuk dipilih sejurus sebelum pemandato berucap (5 minit).

Ucapan ini harus mengandungi saranan untuk pendengar. Masa yang diperuntukkan adalah 7-12 minit (kaedah penjagaan masa adalah sama seperti untuk Level 5).

Ujian Pensijilan

Calon boleh mengambil Ujian Pensijilan melalui 4 cara:

1. Menghadiri program latihan secara bersemuka

Dalam program-program ini, peserta akan diberi latihan serta bantuan dengan merakam ucapan dan permohonan sijil. Ucapan-ucapan ini akan dinilai kemudian oleh Jawatankuasa Pensijilan yang dilantik.

Jika Jawatankuasa Pensijilan turut hadir, maka penilaian boleh dilakukan secara langsung tanpa rakaman.

2. Menghadiri Ujian Pensijilan dalam talian (Zoom)

Calon boleh mendaftar untuk mengambil Ujian Pensijilan dalam talian. (Calon boleh memilih pakej latihan dan ujian atau ujian sahaja.) Ketika ujian dijalankan, Jawatankuasa Pensijilan (3 orang) yang dilantik akan hadir dan melakukan penilaian terhadap ucapan-ucapan yang disampaikan.

Ketika berucap melalui aplikasi Zoom, calon dikehendaki untuk berdiri (kelihatan dari pinggang ke atas).

3. Merakam ucapan sendiri

Calon yang mendaftar untuk mengambil ujian dalam talian juga dibenarkan untuk merakam ucapan sendiri dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan (termasuk adanya 5 atau lebih pendengar dewasa).

Video ucapan perlu dimuat naik ke YouTube dan permohonan sijil boleh dikemukakan melalui borang dalam talian yang disediakan. Ucapan ini akan dinilai kemudian oleh Jawatankuasa Pensijilan yang dilantik.

4. Mendaftar dengan pihak ketiga

Mana-mana pihak boleh berurusan dengan Epic Speakers Academy bagi menyediakan Ujian Pensijilan untuk peserta mereka (biasanya bersama program latihan). Ujian ini boleh diadakan secara bersemuka, dalam talian atau melalui rakaman ucapan.

Jawatankuasa Pensijilan

Bagi setiap kumpulan (*batch*) calon, sebuah Jawatankuasa Pensijilan akan dibentuk. Jawatankuasa ini terdiri daripada 3 Ahli Jawatankuasa termasuk Ketua Jawatankuasa.

Syarat-syarat untuk dilantik sebagai AJK Pensijilan:

1. Individu yang dianggap layak oleh Epic Speakers Academy
2. Keutamaan diberikan kepada Jurulatih KEPENTAS yang mahir dalam bahasa Inggeris

Kaedah Penilaian

Borang penilaian akan digunakan. Setiap kaedah pengucapan awam yang berkenaan akan ditanda “lulus” atau “gagal” sahaja. Markah lulus (setiap kaedah) ialah 80%.

Jawatankuasa Pensijilan akan mendengar ucapan yang disampaikan dan membuat penilaian secara perseorangan. Seterusnya, Jawatankuasa akan berunding sebelum mengumumkan keputusan. Untuk suatu kaedah ditanda “lulus” dalam penilaian bergabung, sekurang-kurangnya 2 daripada 3 AJK harus menandakan “lulus”.

Tugas (tambahan) Ketua Jawatankuasa adalah untuk mengetuai proses perundingan dan memperoleh keputusan akhir.

Sijil Kelulusan

Calon yang lulus Ujian Pensijilan akan menerima sijil yang tertera logo KEPENTAS dan Epic Speakers Academy Sdn. Bhd.

Semua calon akan menerima sijil *soft copy* kecuali calon yang lulus melalui cara no. 1 dengan kehadiran Jawatankuasa Pensijilan.

Nama calon yang lulus Ujian Pensijilan akan disenaraikan di laman sesawang Epic Speakers Academy.

Pensijilan Pemandato Bahasa Inggeris Kategori Remaja (umur 12-17 tahun)

Tahap-tahap Pensijilan

Certified Junior Speaker Level 1

Menguasai 8 kaedah tahap 1 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Certified Junior Speaker Level 2

Menguasai 8 kaedah tahap 1 DAN 6 kaedah tahap 2 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Certified Junior Speaker Level 3

Menguasai 8 kaedah tahap 1, 6 kaedah tahap 2 DAN 4 kaedah tahap 3 dalam Rumus 8 x 3, berdasarkan ucapan tersedia

Catatan:

- **Rumus 8 x 3 untuk Pengucapan Awam™** digelar **Triple 8 Formula for Public Speaking™** dalam bahasa Inggeris (rujuk buku **The Science of Public Speaking**)
- Tahap-tahap di atas TIDAK boleh dilangkau

Ucapan untuk Pensijilan

Ucapan tersedia

Ucapan tersedia ditakrif di sini sebagai sebuah ucapan yang **mengandungi saranan untuk pendengar**. Tajuk ucapan adalah bebas. Calon boleh membuat persediaan awal sebelum menyampaikan ucapan ini.

Penjagaan masa:

Untuk Level 1 & 2, masa yang diperuntukkan adalah 5-8 minit

- Loceng dibunyikan sekali pada 5 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 7 minit menandakan ada 1 minit lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 8 minit menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Untuk Level 3, masa yang diperuntukkan adalah 7-12 minit

- Loceng dibunyikan sekali pada 7 minit menandakan sudah mencapai waktu minimum
- Loceng dibunyikan 2 kali pada 10 minit menandakan ada 2 minit lagi
- Loceng dibunyikan 3 kali pada 12 minit menandakan waktu tamat. Hujah-hujah selepas ini tidak diambil dikira.

Tidak melibatkan ucapan spontan

Ujian Pensijilan

Calon boleh mengambil Ujian Pensijilan melalui 4 cara:

1. Menghadiri program latihan secara bersemuka

Dalam program-program ini, peserta akan diberi latihan serta bantuan dengan merakaman ucapan dan permohonan sijil. Ucapan-ucapan ini akan dinilai kemudian oleh Jawatankuasa Pensijilan yang dilantik.

Jika Jawatankuasa Pensijilan turut hadir, maka penilaian boleh dilakukan secara langsung tanpa rakaman.

2. Menghadiri Ujian Pensijilan dalam talian (Zoom)

Calon boleh mendaftar untuk mengambil Ujian Pensijilan dalam talian. (Calon boleh memilih pakej latihan dan ujian atau ujian sahaja.) Ketika ujian dijalankan, Jawatankuasa Pensijilan (3 orang) yang dilantik akan hadir dan melakukan penilaian terhadap ucapan-ucapan yang disampaikan.

Ketika berucap melalui aplikasi Zoom, calon dikehendaki untuk berdiri (kelihatan dari pinggang ke atas).

3. Merakam ucapan sendiri

Calon yang mendaftar untuk mengambil ujian dalam talian juga dibenarkan untuk merakam ucapan sendiri dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan (termasuk adanya 5 atau lebih pendengar).

Video ucapan perlu dimuat naik ke YouTube dan permohonan sijil boleh dikemukakan melalui borang dalam talian yang disediakan. Ucapan ini akan dinilai kemudian oleh Jawatankuasa Pensijilan yang dilantik.

4. Mendaftar dengan pihak ketiga

Mana-mana pihak boleh berurusan dengan Epic Speakers Academy bagi menyediakan Ujian Pensijilan untuk peserta mereka (biasanya bersama program latihan). Ujian ini boleh diadakan secara bersemuka, dalam talian atau melalui rakaman ucapan.

Jawatankuasa Pensijilan

Bagi setiap kumpulan (*batch*) calon, sebuah Jawatankuasa Pensijilan akan dibentuk. Jawatankuasa ini terdiri daripada 3 Ahli Jawatankuasa termasuk Ketua Jawatankuasa.

Syarat-syarat untuk dilantik sebagai AJK Pensijilan:

1. Individu yang dianggap layak oleh Epic Speakers Academy
2. Keutamaan diberikan kepada Jurulatih KEPENTAS yang mahir dalam bahasa Inggeris

Kaedah Penilaian

Borang penilaian akan digunakan. Setiap kaedah pengucapan awam yang berkenaan akan ditanda “lulus” atau “gagal” sahaja. Markah lulus (setiap kaedah) ialah 70%.

Jawatankuasa Pensijilan akan mendengar ucapan yang disampaikan dan membuat penilaian secara perseorangan. Seterusnya, Jawatankuasa akan berunding sebelum mengumumkan keputusan. Untuk suatu kaedah ditanda “lulus” dalam penilaian bergabung, sekurang-kurangnya 2 daripada 3 AJK harus menandakan “lulus”.

Tugas (tambahan) Ketua Jawatankuasa adalah untuk mengetuai proses perundingan dan memperoleh keputusan akhir.

Sijil Kelulusan

Calon yang lulus Ujian Pensijilan akan menerima sijil yang tertera logo KEPENTAS dan Epic Speakers Academy Sdn. Bhd.

Semua calon akan menerima sijil *soft copy* kecuali calon yang lulus melalui cara no. 1 dengan kehadiran Jawatankuasa Pensijilan.

Nama calon yang lulus Ujian Pensijilan akan disenaraikan di laman sesawang Epic Speakers Academy.

Peralihan ke Kategori Dewasa

Certified Junior Speaker Level 1 – tiada pengecualian – perlu bermula daripada Certified Speaker Level 1

Certified Junior Speaker Level 2 – boleh melangkaui Certified Speaker Level 1 dan terus mengambil ujian untuk Certified Speaker Level 2

Certified Junior Speaker Level 3 – boleh melangkaui Certified Speaker Level 1 dan 2 dan terus mengambil ujian untuk Certified Speaker Level 3